



# Diana mahu tamatkan karier dengan emas

**Kuala Lumpur:** Pemenang pingat emas dalam tiga Sukan SEA berbeza, Diana Bong bertekad memastikan penampilannya di Kuala Lumpur 2017 (KL2017) berakhir dengan kalungan emas.

Diana, 32, yang pernah membawa pulang emas dari Thailand 2007, Laos 2009 dan Myanmar 2013 sudah nekad untuk bersara.

“Kalau boleh saya nak menang emas di tempat sendiri. Ikutkan dah banyak kali menang emas di temasya dwitahunan ini, tapi suasananya berbeza kerana kali ini kita menjadi tuan rumah.

“Malah, saya juga nak mengakhiri karier dengan saat manis memenangi emas di depan penyokong sendiri kerana saya akan bersara selepas ini.

“Memang sedih tinggalkan pasukan, namun saya akan cuba tinggalkan sesuatu yang berharga buat pasukan wushu dan negara,” katanya semalam.



## Terlalu yakin

Atlet kelahiran Kuching, Sarawak itu yang juga pemegang Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat dari Universiti Putra Malaysia (UPM) bakal bertanding dalam acara gabungan iaitu Nanquan, Nandao dan Nanguan kali ini.


Katanya, kegagalan mempertahankan emas pada temasya dua tahun lalu turut menguatkan keazamannya untuk menebus kekecewaan itu.

“Dua tahun lalu saya terlalu yakin dapat mempertahankan emas yang dimenangi di Myanmar.

“Untuk kali ini, saya lebih tenang dan tidak mahu terlalu memikirkan soal kemenangan ataupun pihak lawan. Sebaliknya fokus saya lebih kepada persiapan sendiri saja.

“Saya cuma mahu meningkatkan kekuatan mental kerana apa yang penting semasa pertandingan adalah keyakinan untuk saya mempamerkan aksi yang optimum,” katanya.

Oleh Firdaus Hashim



Diana Bong